



Menurutnya, beliau bangga dan gembira di atas pencapaian tersebut yang mana universiti terus menunjukkan prestasi cemerlang dengan lonjakan kedudukan yang memberangsangkan, malah subjek yang diumumkan oleh QS World University Rankings by Subject 2021 baru-baru ini juga telah menunjukkan peningkatan ketara yang melibatkan subjek Accounting and Finance dari 251-300 ke 201-250; Business and Management Studies dari 251-300 ke 201-250 dan Economics and Econometrics dari 351-400 ke 301-350, selain itu subjek utama, Social Science and Management dari 401-450 ke tangga 340, manakala 1 subjek lagi telah disenaraikan iaitu Computer Science and Information Systems di tangga 601-650.

"UUM akan terus berusaha menambahbaik kedudukan untuk terus menyerlah pada tahun akan datang walaupun dunia masih dilanda pandemik Covid-19.

"Saya berharap dengan pencapaian ini juga akan menjadi satu motivasi dan inspirasi kepada semua warga UUM untuk bekerja dengan lebih kuat agar kita dapat meletakkan UUM di landasan yang betul dan pada masa sama menjadikan universiti ini setanding universiti terkemuka dunia seiring dengan slogan *We Are Global*," katanya.

Times Higher Education Emerging Economies University Rankings 2021 kekal menggunakan 13 indikator prestasi untuk penilaian berdasarkan lima petunjuk teras iaitu pengajaran (30 peratus), penyelidikan (30 peratus), sitasi (20 peratus), tinjauan antarabangsa (10 peratus) dan hasil industri (10 peratus).

Times Higher Education menyenaraikan negara yang diklasifikasikan oleh FTSE seperti '*advance emerging*', '*secondary emerging*' dan '*frontier*' dalam Times Higher Education Emerging Economies University Rankings 2021.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.